

1981

KUALA LUMPUR, 28 FEB. (BERNAMA) — FALSAFAH UMNO YANG BERTOLAK-ANSUR AMAT SESUAI DENGAN POLITIK NEGARA BAGI MENJAMIN KEPENTINGAN ORANG MELAYU TANPA MELUPAKAN KEPENTINGAN KAUM LAIN. PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI.

KATANYA, SEJARAH POLITIK UMNO TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA IA DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN SEHINGGA MELAHIRKAN KESTABILAN POLITIK NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN KURSUS POLITIK PERGERAKAN PEMUDA UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN DI SINI.

BELIAU YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MENINGATKAN AHLI PARTI SUPAYA JANGAN TERLALU BERPEGANG KEPADA PRINSIP POLITIK MEREKA. — BERSAMBUNG 1949/LK

B643:

MAHATHIR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

65

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERPADUAN PARTI DAPAT DIWUJUDKAN JIKA SETIAP AHLI MAHU MEMBENDUNG PERASAAN SENDIRI DAN MENERIMA KEHENDAK RAMAI.

MEREKA HARUSLAH FAHAM BAHAWA TIDAK ADA DUA ORANG YANG MEMPUNYAI TAFSIRAN YANG 100 PERATUS SAMA BERKENAAN SESUATU PERKARA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PERBEZAAN ITU TIDAKLAH MENJADI SEBAB PERPECAHAN DI DALAM PARTI APABILA BERLAKU PERUBAHAN DALAM PIMPINAN PARTI ATAU WUJUD RANCANGAN BARU YANG MUNGKIN TIDAK DISETUJUI OLEH SESEORANG AHLI.

KALAN SESUATU PIHAK BERSIKAP TERLALU KERAS, RIJAK PEMIMPIN DAN YANG DIPIMPIN AKAN SAMA-SAMA GAGAL MENCAPAI SESUATU MAKSUD, TEGAS BELIAU.

KATANYA, JIKA SESEORANG AHLI PERCAYA BUKAN SEMUA KEHENDAK DAPAT TERLAKSANA DAN SANGGUP MENERIMA SESUATU KEPUTUSAN WALAUPUN TIDAK SECOCOK 100 PERATUS DENGAN KEHENDAK SENDIRI, KESTABILAN DAN KEKUATAN PARTI AKAN TERUS DAPAT DIWUJUDKAN. — BERNAMA 1952/LK